

Ciri keselamatan di KLIA rapuh

SOALAN :

Berita Harian

24/11/09

SEBAGAI rakyat Malaysia, saya amat bangga dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang serba canggih dan sering mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

Namun, kemudahan serba canggih mungkin tidak bermakna jika isu keselamatan tidak diambil berat. Ia termasuk tiada sebarang pemeriksaan kepada beg penumpang yang mahu dimasukkan ke kargo penerbangan berbanding di lapangan terbang lain di negara ini. Yang lebih pelik, mengapa di KLIA tiada mesin pengimbas bagasi seperti di lapangan terbang lain seperti di Kuching, Kota Bharu dan Kuantan. Malah, jika ke luar negara pun, lapangan terbang antarabangsa lain turut membuat pemeriksaan ketat terhadap bagasi dan penumpang yang mahu menaiki kapal terbang. Mungkin mahu memudahkan penumpang supaya tidak perlu bersusah payah menjalani pemeriksaan bagasi.

Tidakkah terfikir, mungkin penjenayah akan menggunakan kelonggaran ini untuk membawa keluar masuk barang larangan menggunakan bagasi yang dihantar terus ke perut kapal terbang.

Apa-apa pun pencegahan adalah langkah yang lebih baik. Janganlah hanya apabila berlaku sesuatu tidak diingini barulah semua pihak menggelabah dan menuding jari menyalahkan satu sama lain. Bak kata pepatah, beringat sebelum kena adalah langkah yang paling wajar.

ANTIPENGGANAS,
Kuala Lumpur.

BERITA HARIAN

MAKLUMBALAS:

(Berita Harian : Published on 09/12/09)

MALAYSIA Airports ingin memberi penjelasan berhubung surat disiarkan ruangan ini bertajuk 'Ciri keselamatan di KLIA rapuh' tulisan 'Antipengganas, Kuala Lumpur' bertarikh 24 November lalu. Terlebih dulu kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada 'Antipengganas, Kuala Lumpur' di atas maklum balas yang diberikan.

Untuk makluman, terdapat dua jenis bagasi iaitu bagasi bimbis atau bagasi kabin, dan bagasi yang didaftar masuk, iaitu bagasi yang akan dibawa masuk ke dalam kargo pesawat. Penumpang akan menyaksikan secara fizikal proses imbasan untuk bagasi bimbis kerana proses itu dilakukan sebelum penumpang menaiki pesawat.

Untuk bagasi yang didaftar masuk pula, KLIA menggunakan 'InLine Baggage Screening System' iaitu bagasi akan melalui proses imbasan tiga peringkat menggunakan peralatan x-ray yang sofistikated. Penumpang tidak dapat melihat proses ini kerana ia dilakukan selepas bagasi didaftar masuk.

"InLine Baggage Screening System' diiktiraf pakar keselamatan penerbangan sebagai sistem imbasan bagasi yang terbaik. Malaysia Airports sentiasa mengambil berat soal keselamatan lapangan terbang dan penumpangnya.

Kami memastikan semua bagasi melalui proses imbasan sebelum dibawa masuk ke dalam kargo.

Semua lima lapangan terbang antarabangsa; Lapangan terbang KLIA, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang; Lapangan Terbang Langkawi; Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, menerima persijilan 'Sistem Pengurusan Keselamatan daripada Jabatan Penerbangan Awam.

Ini menjadikan lapangan terbang terbabit antara yang pertama menerima persijilan itu di Asia. Persijilan itu adalah bukti inisiatif kami untuk memastikan tahap keselamatan yang tinggi di semua lapangan terbang kami dan memenuhi Program Pengurusan Keselamatan Badan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

***NIK ANIS NIK ZAKARIA,
Pengurus Besar Komunikasi Korporat Malaysia Airports.***